

17/08/1997

230 bekas pelajar tajaan Mara akan didakwa

BALIK PULAU: Majlis Amanah Rakyat (Mara) kini di peringkat akhir dalam meneliti proses perundangan bagi mendakwa seramai 230 bekas pelajar tajaannya yang gagal membayar balik pinjaman pelajaran.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed, berkata 230 bekas pelajar itu merangkumi 40 peratus daripada 800 bekas pelajar yang nama mereka disiarkan melalui akhbar, baru-baru ini.

Menurutnya, sebahagian bekas pelajar terbabit sudah menghubungi Mara mengenai pembayaran semula pinjaman masing-masing.

"Bagaimanapun selebihnya masih bersikap tidak peduli dengan amaran yang diberikan," katanya sebelum merasmikan majlis Deklarasi Budaya di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Balik Pulau di sini, semalam.

Presiden Gabungan Persatuan Lulusan Pelajar MRSM, Mukhriz Mahathir dan Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Dr Hilmi Yahaya, turut hadir pada majlis berkenan yang bertujuan mewujudkan satu budaya unggul, unik dan cemerlang di kalangan pelajar MRSM di seluruh negara dalam menangani cabaran akan datang.

Laporan akhbar minggu lalu menyebut lebih kurang 300 peminjam Mara akan didakwa di mahkamah kerana gagal membayar balik pinjaman atau menghubungi badan itu.

Sehubungan itu, Mustapa berkata, tindakan mahkamah perlu bagi memastikan pelajar memikul tanggungjawab sebagaimana kira-kira 60 peratus peminjam lain yang sudah menghubungi Mara dan mula membayar balik pinjaman.

Beliau berkata, selain memujuk peminjam membayar semula, Mara juga sudah berbincang dengan penjamin mereka.

Menurutnya, kebanyakan peminjam kini menjadi golongan profesional, justeru mampu membayar balik pinjaman.

"Namun, mereka fikir mereka mempunyai hak untuk tidak membayar balik, walaupun dalam perjanjian sudah jelas tercatat bahawa mereka perlu membayar balik pinjaman yang diberikan," katanya.

Bagaimanapun, Mustapa berkata, pihaknya akan terus memujuk secara baik, adil dan kesabaran.

Sementara itu, Mukhriz berkata, ketika ini, ahli gabungan persatuan lulusan pelajar MRSM di seluruh negara berjumlah 5,000 dan tidak menolak kemungkinan ada yang masih gagal membayar balik pinjaman Mara.

Beliau berkata, gabungan itu akan memastikan ahli gabungan membayar balik pinjaman bagi mengelakkan imej persatuan itu terjejas.

(END)